

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]
TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah yang diperkenalkan untuk menyekat aktiviti pencerobohan bot pukat tunda di persisiran pantai Terengganu yang menjejaskan pendapatan nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2021, sebanyak 787 kes tangkapan tempatan dilaporkan dengan pelbagai jenis kesalahan. Daripada jumlah tersebut, 44 kes adalah di negeri Terengganu. Antara kesalahan yang dilaporkan di negeri Terengganu adalah menceroboh kawasan (Zon Tangkapan), mengusahakan perkakas tanpa lesen, nelayan asing tanpa permit dan ceroboh kawasan lain dan sebagainya.

Bagi menyekat atau mengawal aktiviti pencerobohan bot pukat tunda di pesisiran negeri Terengganu, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- i. Aktiviti rondaan dan penguatkuasaan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi mengawal aktiviti pencerobohan zon penangkapan ikan terutamanya oleh vesel pukat tunda di kawasan pesisiran pantai;
- ii. Pemasangan tukun tiruan sebagai penghalang pukat tunda di negeri Terengganu juga antara kawalan yang digunakan untuk menghalang vesel pukat tunda daripada menghampiri kawasan pesisiran pantai; dan
- iii. Penglibatan nelayan setempat sebagai sumber penyaluran maklumat dan aduan kepada Jabatan.

Sekian, terima kasih.